

MELIHAT AMERIKA DARI JAUH

NEW YORK

Di bandar New York ada satu patung yang terletak atas sepucuk tiang yang tinggi sebagai tanda ingatan dan kehormatan kepada orang Eropah yang mula-mula bertemu Amerika Utara, iaitu mendiang Christopher Columbus. Patung yang terletak atas tiang batu yang tinggi itu duduknya dalam kawasan yang bernama Columbus Circle, di Manhattan. Kawasan ini juga menjadi tempat pertemuan beberapa buah jalan di bandar New York. Jalan-jalan ini ialah Broadway, Eighth Avenue, 59 Street, dan Central Park West. Patung Columbus itu berhadap ke sebelah selatan pulau Manhattan. Akan tetapi pandangan Columbus dari atas tiang itu terhalang oleh beberapa banyak bangunan pencakar langit yang menjadi sifat yang terutama bagi bandar New York. Patung Columbus itu menandakan keberanian semangat manusia yang menyeberang lautan dan bertemu dengan sebuah benua yang baharu. Benua itu telah menjadi negeri di mana manusia mengadu nasib, menggunakan tenaga dan peluang supaya dapat mencapai kehidupan yang sentosa dan bahagia. Semangat yang meliputi diri Columbus lebih 400 tahun dahulu masih cergas dan membentuk tujuan-tujuan manusia di Amerika.

(IV)

(oleh Ahmad Husin)

Dari semenjak zaman Columbus beberapa banyak orang lelaki dan perempuan telah datang ke Amerika dan memberi tenaga masing-masing membina sebuah negara seperti yang ada sekarang. Lautan yang tak pernah ditempuh dan dilalui oleh orang sebelum masa Columbus, sekarang sudah menjadi jalan raya kapal-kapal sekalian bangsa. Lain daripada jalan lautan ini jalan-jalan lain telah dibina bagi menyambungkan negeri ini dengan negeri-negeri lain di seluruh dunia.

Kehidupan moden beredar mengelilingi patung Columbus. Beberapa banyak kereta-kereta motokar dan bas, orang lelaki dan perempuan penduduk bandar New York, dan lelaki dan perempuan dari negeri-negeri dan bandar-bandar lain. Budak-budak sekolah yang harus sekali telah membaca kehidupan dan pelayaran Christopher Columbus, berlari-lari dengan kasut roda dalam kawasan di bawah patung itu bermain hoki. Di kawasan Columbus Circle ini juga burung-burung merpati membuat rumah, berkumpul

beramai-ramai dan terbang melayang berkawan. Pengembara-pengembara dari negeri asing berhenti sebentar di sini melihat patung Columbus dan menangkap gambar. Buat sebentar mereka melayangkan balik fikiran kepada zaman lebih empat ratus tahun dahulu membayangkan kejadian dalam sejarah.

The New York Museum of Natural History

Sebuah daripada bangunan-bangunan yang mewakilkan dunia kita ini secara kecil ialah sekolah gambar yang bernama The New York Museum of Natural History. Jika kita melawat sekolah gambar ini dan berjalan-jalan di dalamnya maka rasanya seolah-olah kita berjalan mengelilingi dunia. Di sini boleh melihat sekalian kawasan dan daerah dunia beserta dengan jenis-jenis pohon kayu dan binatang yang menjadi sifat kawasan yang tersebut. Kita lihat hutan dan harimau negeri India, kerbau-kerbau negeri Burma, beberapa jenis burung yang cantik-cantik yang digelar dalam bahasa Inggeris "*Birds of Paradise*" dari gugusan pulau-pulau Melayu,



Patung Columbus dalam kawasan Columbus Circle, New York.

burung-burung unta dan kuda belang negeri Afrika, kanggaru negeri Australia, burung-burung penguin dari kawasan dingin di selatan, kambing-kambing hutan yang berkediaman di kawasan pergunungan banjaran Alps; beberapa jenis ikan yang didapati dalam lautan-lautan dunia dan bejenis-jenis binatang yang halus.

Dalam sekolah gambar ini juga kita boleh lihat alat-alat dan bangunan-bangunan yang telah dibuat oleh orang-orang bangsa Inka dalam zaman beberapa ratus tahun sebelum Columbus bertemu Amerika.

Pada fikiran penulis tak ada satu tempat yang lebih baik daripada sekolah gambar ini di mana kita boleh mempelajari dan mendapat pandangan yang terlekat di mata dan di hati berkenaan dengan hidupan-hidupan yang ada di atas muka bumi ini.

Akan tetapi dalam sekolah gambar ini boleh juga kita berpura-pura berjalan lebih jauh. Ada sebuah dewan yang besar dalam mana ditempatkan sejenis alat sains yang bernama "Hidden Planetarium." Alat ini memancarkan ke bumbung yang melengkung dewan itu gambar yang merupakan langit pada waktu malam. Dalam dewan yang gelap itu gambaran

itu tak ubah seperti langit yang betul-betul penuh dengan bintang, tak ubah dari bintang-bintang yang dilihat di langit. Rasanya bukan kita sedang melihat gambar tetapi sedang duduk di suatu tempat yang lapang dalam bandar New York pada waktu malam memandangi ke langit. Pensyarah yang menunjukkan gambar itu kemudian berkata bahawa kita hendak dibawa melayang pergi ke bulan. Dalam masa ia berkata-kata itu kita rasa seolah-olah kita sedang terbang ke langit kerana bulan yang di langit, atau lebih tepat gambar bula, itu menjadi bertambah-tambah besar seperti kita sedang mendekatinya. Bolehlah kita lihat gaung dan banjaran gunung di bulan itu. Menerusi pensyarah itu kita mempelajari sedikit sebanyak hal perkara alam.

Sekarang ini, perkara manusia boleh pergi ke dunia-dunia lain atau "Interplanetary Travel" bukanlah lagi satu hal yang luar biasa dan ganjil. Dan orang tidak lagi

berasa hairan atau takjub mendengar syarahan-syarahan tentang manusia akan menziarah dunia-dunia lain dalam alam ini.

Pertunjukan dan syarahan yang diadakan di sekolah gambar (The Museum of Natural History) itu ialah satu cara memberi pengetahuan dan pelajaran dalam zaman mundur ini. Beribu-ribu orang, lelaki dan perempuan, dan budak-budak sekolah melawat sekolah gambar ini tiap-tiap hari.

Di sini mereka mempelajari bukan sahaja kandungan dunia ini akan tetapi juga kandungan alam. Dari lawatan itu mereka sedar bahawa ada beberapa banyak perkara dalam dunia yang mereka tak tahu pada masa sudah dan haruslah ada banyak lagi perkara yang tak dapat mereka mengetahui.

Bagaimanapun manusia akan tetap mencari pengetahuan.


Metropolitan Museum of Art

The Metropolitan Museum of Art

Tak lama lepas tiba di New York, iaitu lebih kurang pada pertengahan tahun 1951, saya telah melawat sekolah gambar yang besar lagi terkenal yang bernama (The Metropolitan Museum of Art.) Bangunan sekolah gambar ini besar,

dan letaknya dekat 86 jalan Fifth Avenue. Dalam bangunan ini ada terkumpul setengah daripada barang-barang seni yang sangat berharga sekali dalam dunia, iaitu barang-barang yang dipusakai dari semenjak zaman purbakala. Manakala saya berjalan-jalan dalam bangunan itu dari sebilik masuk ke satu bilik atau dewan maka saya berasa susah hendak percaya bahawa barang-barang dan patung-patung, pinggan dan pasu dan sebagainya telah dibuat oleh manusia dua atau tiga ribu tahun sudah.

Saya lihat satu patung yang dibuat dari batu marmar. Bentuk mukanya licin dan betul, dan badannya samalah seperti badan manusia yang cergas lagi sihat. Patung ini telah diukir dari batu marmar oleh seorang ahli ukiran yang hidup lebih 2000 tahun dahulu. Di sini pula ialah patung seorang perempuan yang tua. Perempuan ini kurus dan lemah badannya, dan belakangnya bongkok, seperti yang adat bagi kebanyakan orang yang setengah tua. Tangannya yang kiri itu memegang bakul yang berisi buah-buahan, dan satu benda yang nampaknya seperti bungkus atau sebiji kubis. Muka perempuan tua ini sudah berkedut, dan daripada sifatnya itu dilihat bahawa perempuan ini sudah menempuh kesusahan hidup dan menanggung beban ketuaan. Bajunya panjang dari bahu sampai ke bawah, lepas lutut, dan di kakinya kita lihat ia memakai kasut capar. Patung ini menceritakan kepada kita sekarang



Meniup trumpet besar dalam perarakan

kehidupan manusia pada zaman purbakala. Sebenarnya patung ini telah dibuat oleh tukang ukir lebih kurang dalam kurun yang kedua sebelum Masihi. Tiadalah banyak ubahnya dengan mana perempuan tua dalam dunia kita sekarang.

Di sini pula boleh dilihat sebatang tiang batu dari sebuah bangunan Greek zaman purbakala. Lain daripada itu beberapa perkakas bangunan yang membuktikan tamadun tua negeri Assyria. Dinding-dinding istana raya di sana zaman dahulu telah diukir dengan tulisan-tulisan cara tua. Semenjak lima ribu tahun sudah di negeri Parsi orang membuat mangkuk, belanga, periuk dan pinggan. Dalam sekolah gambar Metropolitan Museum of Art ini dapat kita lihat mangkuk dan pinggan yang licin dan berwarna-warni yang indah rupanya yang dipakai oleh orang-orang Parsi yang berada zaman dahulu.

Pada zaman dahulu juga manusia telah menyembah berbagai-bagai Tuhan, dan perkakas-perkakas dari rumah berhala zaman itu menunjukkan kepada kita sedikit sebanyak akan kepercayaan dan cara kehidupan mereka waktu itu. Lembah-lembah sungai Tigris dan Euphrates, iaitu kawasan Mesopotamia, ialah tempat asal tamadun dunia, menurut kepercayaan ahli-ahli yang terpelajar. Di sini beberapa ribu tahun dahulu manusia telah memerhati pergerakan-pergerakan manusia dan alam, dan telah mengumpul pengetahuan terdahulu daripada orang-orang Greek.

Mesir, iaitu kawasan lembah sungai yang masyhur, sungai Nil, telah meninggalkan kepada manusia zaman ini bangunan-bangunan yang tua sebagai bukti akan kebesaran dan ketuaan tamadun orang Mesir. Dari zaman dahulu lagi ahli-ahli yang terpelajar dan lain-lain telah pergi melawat negeri ini. Tamadun Mesir telah menjadi masyhur hingga ke Greek dan ke Mesopotamia. Ahli falsafah Greek, Plato, dan ahli tarikh yang bernama Herodotus, telah melawat negeri Mesir lebih dua ribu tahun dahulu. Herodotus telah memberi cerita yang luar biasa dan

menarik hati berkenaan dengan negeri Mesir dan orang

Mesir, dan antara lain-lain ia bercerita seperti

berikut:

“..... iaitu (Mesir) adalah mempunyai benda-benda ajaib lebih daripada mana-mana negeri, dan menunjukkan pertukangan-pertukangan yang terbesar yang tak dapat diceritakan, jika dibanding dengan kawasan-kawasan lain Orang-orang Mesir bukan sahaja mempunyai hawa yang tunggal bagi mereka, dan sebuah sungai yang berlainan sifatnya daripada lain-lain sungai, akan tetapi juga memakai adat-istiadat yang berlainan, boleh dikatakan dalam serba serbi, dari orang lain.” (Herodotus: terjemahan Inggeris oleh H.F. Kerry).

Tidak syak lagi jika ahli tarikh zaman purbakala ini telah melawat negeri China maka ia tentulah dapat memperturunkan cerita-cerita yang sama menarik perhatian tentang adat-istiadat orang Cina.

Berkenaan dengan orang-orang Mesir itu Herodotus berkata lagi:

“Orang Greek menulis dengan jalan menggerakkan tangan dari kiri ke kanan; akan tetapi orang-orang Mesir dari kanan ke kiri. Dengan membuat demikian mereka berkata bahawa mereka membuat cara kanan, dan orang-orang Greek cara kiri..... Daripada sekalian manusia mereka itulah satu puak yang sangat mengambil berat dan setia menyembah Tuhan, dan mereka mempunyai ibadat rasmi seperti berikut. Mereka minum dari mangkuk tembaga, yang mereka bersihkan tiap-tiap hari, dan ibadat ini tidaklah hanya diikuti oleh setengah orang, dan tidak diturut oleh setengah lagi, tetapi semua mereka



Sekolah gambar “Metropolitan Museum of Art” New York

itu mengikut. Mereka memakai kain baju, yang selalu dicuci, dan mereka sangat mengambil berat dalam hal ini.” (Herodotus: terjemahan Inggeris oleh H.F. Kerry).

Dalam zaman modern ini ahli-ahli yang terpelajar telah melawat negeri Mesir dan menjalankan penyelidikan di sana. Mereka mendapati bahawa iheram-iheram, yang telah dibangunkan pada zaman purbakala oleh Firaun, ialah satu daripada perkara-perkara yang ajaib dalam dunia. Sebenarnya bangunan yang seperti bukit yang berupa tiga segi itu ialah perkara yang luar biasa, ia itu telah dibuat beribu tahun dahulu oleh manusia. Iheram yang besar sekali, yang bernama Khufus, ditafsirkan oleh ahli-ahli yang berilmu, telah didirikan lebih kurang 5000 tahun dahulu. Daripada tulisan-tulisan orang Mesir zaman purbakala, iaitu yang digelar “*hieroglyphics*” ahli-ahli ilmu zaman sekarang dapat membaca cerita kehidupan maharaja-maharaja, ahli-ahli agama zaman jahiliah, dan kehidupan rakyat umum di Mesir. Penulis sendiri telah melihat iheram-iheram itu dekat bandar Kaherah dan telah berasa takjub melihat balak-balak batu yang besar telah dibuat batu-bata oleh orang-orang Mesir zaman jahiliah kerana mendirikan iheram yang besar-besar seperti bukit itu.

(bersambung)